

## SUBJEK SIJIL PENGAJIAN ISLAM

Ulum Al-Quran	Al-Fiqhul Islami
Ulum Al- Hadis	Sirah Nabi
Usul Al-Fiqh	Tamadun Islam
Tasauf dan Akhlak	Asas Pengurusan Islam
Al-Quran	Pengajian Malaysia
Aqidah Islamiah	Ko-kurikulum khidmat Masyarakat
Kitab Utama Hadis	Fundamental English
Prinsip Dakwah Islamiah	Intermediate English
Al-Arabiah Lil Muhtadiin	
Al-Arabiah Al-Ittisaliyah	

## KELAYAKAN MASUK

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV) dengan mendapat kepujian mata pelajaran; atau
- Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

## KEISTIMEWAN/KELIEBIHAN SPI

Boleh Transfer kredit untuk pengajian mana-mana program Diploma KIAS

## PERMOHONAN :

Didapatkan borang di Pejabat KIAS dan hantar kepada:

PENDAFTAR,

KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS),

Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.

## PERTANYAAN

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387

Faks : 09-7129 444

Laman Web : [www.kias.edu.my](http://www.kias.edu.my)


Emel : [admin@kias.edu.my](mailto:admin@kias.edu.my)

Koordinator Program (Pn. Nurul Izzati): +60 13-857 3434



كوليج اسلام انتارابانگسا سلطان اسماعيل پترا  
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

[IPTS07010 (JPS) 5195/IPTS/1007]



## SIJIL PENGAJIAN ISLAM

[KP/JPS (A 8175) (R2/221/3/0094)08/22]

## PENGENALAN

Masyarakat masa kini cenderung untuk memberi lebih perhatian kepada ciri-ciri dan nilai-nilai keislaman di dalam bidang pendidikan. Disebabkan faktor tersebut, ianya telah menyebabkan berlaku permintaan yang tinggi terhadap bidang-bidang pengajian Islam. Walhal, pada masa yang sama tidak banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan program berkenaan khususnya di peringkat sijil. Melihat kepada keperluan ini maka KIAS mengambil inisiatif dengan menawarkan program Sijil Pengajian Islam.

Program Sijil Pengajian Islam yang ditawarkan di KIAS adalah merupakan satu program persediaan kepada pelajar aliran agama yang tidak memenuhi syarat kemasukan terus ke program Diploma. Penawaran program ini akan memberikan peluang kepada pelajar berkenaan untuk meneruskan cita-cita mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi samada ke peringkat Diploma dan seterusnya peringkat Ijazah Sarjana Muda di mana-mana IPTA atau IPTS terpilih.

### OBJEKTIF SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Berusaha menjayakan matlamat penubuhan KIAS, iaitu penyebaran Islam.
2. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam Pengajian Islam.
3. Boleh mengaplikasi prinsip dan teknik Pengajian Islam selaras dengan kefahaman yang betul berdasarkan pandangan ulama muktabar.
4. Memberi peluang pengajian kepada para pelajar yang tidak mencukupi syarat untuk menyambung pengajian di peringkat diploma.
5. Membentuk generasi yang berkebolehan dan berkefahaman tinggi tentang ajaran Islam seterusnya mengalitkan ilmu-ilmu tersebut dengan realiti kehidupan bermasyarakat.

### KECENDERUNGAN PENGAJIAN

Pengajian Islam yang diasaskan adalah untuk memantapkan tradisi ilmu dan memberi sumbangan kepada masyarakat Islam dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu dan beramal sebagai prasyarat kepada Tamadun Islam yang Unggul. Justeru itu, penawaran program Sijil Pengajian Islam oleh KIAS dijangka akan dapat menghasilkan pelajar yang berpengetahuan dan mempunyai pra kelayakan untuk membimbing generasi kepada kehidupan muslim yang bertaqwa kepada Allah, menyelamatkan diri daripada terjebak dalam perkara mungkar sehingga terbentuklah keperibadian muslim yang sejati.

### KEISTIMEWAAN / KELEBIHAN SPI

Boleh transfer kredit untuk pengajian mana-mana program Diploma KIAS, dan boleh menyambung pengajian ke peringkat Diploma di mana-mana IPTA/IPTS.

### TEMPOH PENGAJIAN

3 Semester (1 ½ Tahun)

### AKTIVITI JABATAN

1. Mengadakan seminar-seminar ilmiah berkaitan dengan Dakwah bersama dengan Jabatan Dakwah wal Qidah.
2. Bengkel Ilmiah Peringkat Sijil Pengajian Islam: Diskusi, Kolokium, Wacana Ilmiah dan sebagainya.
3. Bekerjasama dengan badan-badan NGO yang berkaitan dakwah dalam melaksanakan program dakwah di kawasan orang asli dan kawasan sasaran.

### HAJATUJU

Penawaran kursus ini akan dapat memenuhi keperluan dan permintaan pelajar dari allran agama terhadap peluang pengajian di peringkat Sijil Pengajian Islam bagi melayakkan mereka menyambung pengajian di peringkat Diploma dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda dalam mana-mana bidang pengajian Islam yang ditawarkan di KIAS atau mana-mana IPTA/IPTS.

